

01 MAY 2003

MIC-Ahli

PEMIMPIN MIC DINASIHATKAN BERUSAHA LEBIH GIGIH

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berharap barisan kepemimpinan parti itu akan berusaha lebih gigih untuk menunaikan hasrat anggota MIC di peringkat akar umbi.

Beliau mengingatkan para pemimpin MIC supaya tidak lupa bahawa anggota parti di peringkat akar umbi meletakkan tanggungjawab dan kepercayaan yang tinggi terhadap seseorang pemimpin.

"Mereka juga mempunyai harapan bahawa pemimpin-pemimpin parti politik yang mereka pilih akan memenuhi keperluan mereka. Sebagai pemimpin yang dipilih untuk memimpin masyarakat setempat, pemimpin diberi amanat dan penghormatan yang paling tinggi dalam masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian di Konvensyen MIC Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini. Konvensyen itu dirasmikan oleh Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Samy Vellu yang juga ketua MIC Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkata MIC akan terus berkerjasama dengan pucuk pimpinan negara termasuk selepas pertukaran dalam ketua Kerajaan pada Oktober ini supaya kemajuan dan pembangunan yang dialami boleh terus dinikmati.

"Tahun ini merupakan tahun yang amat bersejarah kepada negara dan seluruh rakyat Malaysia kerana Datuk Seri Abdullah akan mengambil alih pucuk kepimpinan negara daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Bercakap mengenai masalah sosial, beliau berkata MIC merasakan bahawa lebih banyak usaha yang perlu dilakukan terutamanya oleh agensi-agensi kerajaan untuk membanteras gejala sosial di kalangan belia.

Program Rakan Muda, kata Samy Vellu, yang di bawah penyeliaan Kementerian Belia dan Sukan merupakan satu aktiviti yang boleh dimanfaatkan.

Menyentuh mengenai Deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020, Menteri Kerja Raya itu berkata beliau berharap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memberi tumpuan khas untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya yang mencerminkan kebudayaan setiap kaum di negara ini.

"Ia akan memberi imej yang lebih bermaksud kepada Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya yang kaya dengan ciri-ciri kebudayaan pelbagai kaum."

Bercakap mengenai masalah ibu tunggal, Samy Vellu berkata kajian yang dijalankan oleh MIC di 58 kawasan penempatan di Kuala Lumpur di kalangan 3,847 keluarga mendapati hampir 530 keluarga atau 13.8 peratus daripada jumlah itu diketuai oleh ibu tunggal.

"Ini merupakan satu situasi yang menyedihkan, ibu tunggal yang ditinggalkan oleh suami yang tidak bertanggungjawab ini terpaksa berusaha secara individu untuk memikul beban keluarga dan menanggung perbelanjaan persekolahan anak-anaknya," katanya.

MIC akan mengalakkan ibu-ibu tunggal untuk melibatkan diri dalam industri barangan seramik untuk menambah pendapatan mereka.

"Sebagai langkah pertama MIC telah mengadakan perjumpaan dengan syarikat seramik yang ingin melatih ibu-ibu tunggal dalam bidang ini. Satu perjumpaan dengan seramai 100 ibu tunggal akan diadakan tidak lama lagi bagi mempromosikan latihan dan prospek industri ini," katanya.

Bercakap mengenai universiti MIC, Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (AIMST) yang menelan belanja RM405 juta, beliau berkata ia akan dibuka kepada semua rakyat Malaysia dan mampu mengeluarkan ribuan graduan dalam bidang-bidang seperti perubatan, teknologi maklumat dan

sebagainya.

"Untuk membina universiti ini, MIC telah melancarkan Tabung Pembangunan AIMST, dan setakat ini lebih RM170 juta telah berjaya dikutip. Kita yakin dapat mencapai sasaran untuk membina universiti ini yang akan menjadi lambang kemegahan dan kejayaan bukan sahaja bagi MIC tetapi juga masyarakat India dan rakyat negara ini," kata Samy Vellu.

Universiti itu yang akan dibina di Semeling, Kedah dijangka siap dalam tempoh dua hingga tiga tahun lagi dan buat sementara waktu kelas-kelas telah mula berjalan di kampus sementara universiti itu di Bandar Aman Jaya, Sungai Petani.

-- BERNAMA

SR SHI PR